



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/06/48(HQ)

### TNB NAFI DAKWAAN PENGERUSINYA TERIMA ELAUN TINGGI

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menafikan dakwaan yang ditularkan netizen berkenaan elaun tinggi yang diterima Pengerusinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Elaun bulanan Datuk Seri Mahdzir Khalid sebenarnya jauh lebih rendah dari paparan yang dikongsikan di media sosial, namun mencerminkan tanggung jawab beliau memimpin sebuah syarikat dengan lebih 9 juta pelanggan dan asset bernilai hampir RM60 bilion.

Sebagai sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, emolumen yang diterima Ahli-ahli Lembaga Pengarah TNB dinyatakan dalam Laporan Tahunan yang diterbitkan setiap tahun.

Orang ramai dinasihatkan untuk tidak terus mengongsikan paparan tidak benar berkaitan elaun tinggi tersebut dan sentiasa memastikan kesahihan maklumat sebelum membuat sebarang perkongsian.

Perbuatan menularkan paparan serta maklumat yang tidak benar atau palsu adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 Jun 2020, jam 5.00 petang**

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /  
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524  
atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)